



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN: IKLAN 78/10/19**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**KURATOR PEMELIHARAAN DAN PEMBAIKAN (B.3 / B.2 EB.3)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. KURATOR PEMELIHARAAN DAN PEMBAIKAN
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.3**

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahan-Bahan Arkeologi atau Kertas / Kimia (Chemistry) / Pemeliharaan Peralatan Budaya atau bidang berkaitan dengan jawatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium sebagai Kurator Pemeliharaan dan Pembaikan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 / B.2 EB.3 sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Kurator Pemeliharaan dan Pembaikan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 / B.2 EB.3 sekurang-kurangnya selama 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

b) **TANGGAGAJI B.2 EB.3**

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahan-Bahan Arkeologi atau Kertas / Kimia (Chemistry) / Pemeliharaan Peralatan Budaya atau bidang berkaitan dengan jawatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.



ATAU

- ii) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) / Graduate Diploma dalam bidang Bahan-Bahan Arkeologi atau Kertas / Kimia (Chemistry) / Pemeliharaan Peralatan Budaya atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Kebolehan membaca dan menulis jawi adalah keutamaan.
3. Cenderung dalam kerja-kerja pemeliharaan baik di dalam makmal mahupun di luar makmal serta mempunyai kemahiran dalam jurusan tertentu dalam bidang pemeliharaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Selaku Ketua Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan, mentadbir dan merancang, mengendalikan dan memajukan rancangan-rancangan atau projek-projek jangka pendek dan jangka panjang Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan terutama dalam pemeliharaan koleksi barang-barang atau contoh-contoh Jabatan Muzium-Muzium sama ada yang dipamerkan mahupun yang disimpan di dalam stor.
2. Mengawas, membimbing serta membetulkan kerja yang diberikan kepada pegawai bawahannya.
3. Menyediakan laporan tahunan dan laporan yang berkaitan dengan bahagiannya.
4. Memperbaiki dan meningkatkan mutu pemeliharaan di Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan cawangan-cawangannya.
5. Memberi nasihat dan perkhidmatan teknikal (pemeliharaan dan pembaikan) kepada bahagian lain di Jabatan Muzium-Muzium.
6. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan di luar daerah apabila diperlukan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Kad Pengenalan.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Lesen Memandu.pdf |



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | PHD.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | MASTER.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | DEGREE.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HND.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HNC.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | ND.pdf |

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



| | | Title of Examination | University/College | Result of Examination | Upload File |
|--|--|-------------------------|------------------------------|-----------------------|----------------------------|
| | | BACHELOR OF ARTS | Universiti Brunei Darussalam | PASS | DEGREE.pdf |
| | | Field | | | |
| | | BUSINESS ADMINISTRATION | | | |
| | | + Add | | | |

- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, pastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.
- ✓ Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee

Current Government Employee

| | Start Date | To Date | Name And Address of Employer | |
|--|------------|------------|--|--|
| | 01/02/2015 | | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |